



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

LAWATAN KERJA RASMI

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) KE LULU HYPERMARKET DI DOHA, QATAR

DOHA, QATAR, 14 MEI 2024 – Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh mengetuai lawatan kerja rasmi delegasi Malaysia ke Doha, Qatar bermula pada 10 hingga 12 Mei 2024.

Lawatan kerja ke Lulu Hypermarket di Doha Qatar ini merupakan lawatan kedua yang diadakan selepas lawatan pertama yang telah dihadiri oleh YB Timbalan Menteri di Jeddah, Arab Saudi pada 10 Januari 2024.

Pada lawatan kali ini, YB Timbalan Menteri telah mengadakan sesi perbincangan dua hala berkaitan kerjasama yang dijalinan antara Kementerian dengan Lulu Hypermarket di Doha, Qatar dalam misi membawa lebih banyak lagi produk tempatan terutamanya daripada syarikat dan pengusaha industri kecil dan sederhana. Sesi perbincangan diadakan bersama Dr. Mohamed Altaf, *Director of Lulu Group International* dan Mr. Shaijan, *Regional Director of Lulu Group, Qatar Region* serta dihadiri delegasi daripada Kementerian serta pegawai kanan Lulu Hypermarket.

Sesi *walkabout* juga telah diadakan di Cawangan Lulu Hypermarket di D-ring Road Doha bagi meninjau produk-produk Malaysia yang telah berada di pasaran Doha dan penerimaan pengguna terhadap produk Malaysia sangat membanggakan.

Sehingga April 2024, LuLu Group International mempunyai hampir 200 cawangan perniagaan runcit format *hypermarket, supermarket & departmental store* di 22 buah negara dengan pelbagai jenama seperti LuLu Hypermarket, LuLu Express, Al Falah Plaza dan Emirates General Market. Terdapat 3,116 *Stock Keeping Unit* (SKU) daripada keseluruhan produk yang dijual di Lulu Hypermarket dibekalkan oleh Pengusaha Kecil Sederhana (PKS) tempatan iaitu 22 jenis produk / barangan yang telah dibawa ke pasaran antarabangsa.

Dalam pertemuan ini juga, YB Timbalan Menteri telah menyatakan hasrat untuk mengetengahkan beberapa produk baharu yang dihasilkan oleh PKS tempatan iaitu makanan "*Ready To Eat*" yang berkonsepkan makanan yang boleh dimakan tanpa perlu dimasak atau dipanaskan terlebih dahulu. Inisiatif ini selain daripada memperbanyakkan jumlah produk Malaysia ke luar negara, ianya juga adalah untuk menarik pengguna mendapatkan pelbagai produk dengan lebih mudah di pasaran antarabangsa.

Selain itu, YB Timbalan Menteri turut mengadakan pertemuan singkat bersama PYT Lolwah Rashid Al-Khater, Menteri Negara bagi Kerjasama Antarabangsa Qatar yang mana peluang kerjasama strategik antara Malaysia dan Qatar ini dapat meningkatkan lagi pengedaran produk Malaysia ke Qatar dan antarabangsa sejajar dengan aspirasi aspirasi Ekonomi Madani yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###